

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022
PENGGAL PERTAMA

Salam Anak Malaysia, Salam Anak Mutiara, Salam Anak Muda dan Salam Penang 2030.

Terlebih dahulu, ingin saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Penggal 1 Sidang Muda Pulau Pinang 2022.

Top-up Women-Only Additional Seats (TWOAS)

Datuk Yang di-Pertua,

Baru-baru ini iaitu pada bulan Disember yang lalu, Ketua Menteri telah mengumumkan satu inovasi yang akan mempertingkatkan perwakilan wanita dengan cara yang turut menguntungkan parti-parti pembangkang. Inovasi tersebut dikenali sebagai Kerusi Tambahan untuk Wanita atau Top-up Women-Only Additional Seats (TWOAS).

Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang merangkumi 40 kerusi. Di bawah Dasar TWOAS, ini bermaksud pada pilihan raya negeri yang akan datang, jika kurang daripada 12 orang ADUN wanita dipilih, maka wakil TWOAS akan ditambah sehingga 30 peratus tercapai daripada parti-parti mengikut peratusan undi mereka.

Andaikan PRN akan datang membawa keputusan sama seperti PRN 2019 iaitu cuma enam orang ADUN wanita yang terpilih (15 peratus) dan undi terpecah antara Pakatan Harapan (67 peratus), Barisan Nasional (22 peratus) dan PAS (10 peratus), maka sembilan wakil TWOAS akan dilantik supaya jumlahnya menjadi 15/49 (30.6 peratus).

Secara intihanya, wakil-wakil TWOAS akan dilantik dalam kalangan Pakatan Harapan (enam), Barisan Nasional (dua) dan PAS (satu).

Memang tidak dapat dinafikan, ini merupakan satu inisiatif dalam usaha mencapai keterangkuman gender dan memperkasakan kaum wanita.

Namun begitu, pada hemat saya, TWOAS ini ada juga keburukannya sekiranya tidak dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Hal ini kerana TWOAS secara tidak langsung akan menggalakkan parti-parti politik untuk mengurangkan bilangan calon wanita yang dihantar untuk bertanding dalam pilihan raya disebabkan perwakilan wanita tetap wujud dalam Dewan Undangan Negeri di mana mereka tetap boleh dilantik menerusi TWOAS.

Maka, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengkaji semula keberkesanan TWOAS ini agar dapat mencapai matlamat pembangunan mampan yang sebenar.

Jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang Dua Penggal

Datuk Yang di-Pertua

Selepas Pilihan Raya Umum Ke-14, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meminda Undang- Undang Tubuh Negeri bagi membolehkan cadangan mengehendkan tempoh perkhidmatan ketua Menteri kepada dua penggal dilaksanakan.

Ini dilihat sebagai satu cara dalam melaksanakan reformasi sistem politik di mana amalan tadbir urus baik dan telus dapat diterapkan.

Namun begitu, saya berpendapat bahawa kalau seorang ketua menteri itu berkemampuan dan mempunyai kebolehan dalam mentadbir, apa salahnya kita terus menyokong dan mengangkat beliau sebagai ketua menteri demi pembangunan negeri kita secara mapan dan konsisten. Itu tidak menjadi satu masalah asalkan seseorang ketua menteri itu tidak ada skandal.

Maka, bukannya tertakluk kepada tempoh masa seseorang ketua menteri tetapi tertakluk kepada kemampuan untuk membangunkan negeri kita. Yang penting, Untuk Negeri Kita!

Sekian, terima kasih.

Tan Jia Yi
N02 Bertam
Sidang Muda 2022 Penggal Pertama

